

MAT Ali menunjukkan jarak pantai dan kampung yang hilang ditelan ombak besar sejauh 30 meter.

FOTO: SHAMSUDIN HUSIN

HARIAN METRO

Shamsudin Husin
am@hmetro.com.my

Chukai

Hanya tinggal dua rumah perkampungan nelayan di tepi pantai di Kampung Geliga Baru di sini, berpenghuni selepas puluhan kediaman di kawasan itu sentiasa menjadi mangsa ombak besar yang melanda dalam beberapa kejadian sejak lebih lima tahun lalu.

Sebuah rumah daripada dua kediaman terbabit didiami lapan sekeluarga manakala sebuah lagi rumah dihuni seorang lelaki bujang tetapi dikatakan banyak menghabiskan masa di tempat lain.

Mahadi Awang Long, 42, berkata, walaupun jarak rumahnya kini hanya lima meter saja daripada pantai tetapi dia sekeluarga masih bertahan tinggal di situ tanpa membuat apa-apa persiapan

seperti benteng guni pasir walaupun musim tengkujuh hampir tiba.

"Saya tak buat apa-apa persediaan seperti benteng guni pasir kerana ia tidak mampu menahan ombak

besar yang melanda sebagaimana yang berlaku pada kejadian Februari lalu melainkan hanya berpindah ke tempat lebih selamat.

"Saya memang mahu pindah dari rumah ini dengan

membina rumah baru 30 meter dari rumah ini, tetapi ia belum siap dan sekadar rangka dan atap kerana tidak cukup wang," katanya.

Menurutnya, walaupun masih belum disiapkan ke-

rana tidak cukup wang bagi meneruskan pembinaannya tetapi dia sekeluarga akan berpindah ke rumah itu buat sementara sekiranya berlaku kejadian ombak besar pada musim tengkujuh.

Seorang warga emas yang juga penduduk asal kampung itu, Mat Ali Salleh, 69, berkata, 20 tahun lalu jarak pantai dengan kampung itu hampir 100 meter.

"Walaupun 20 tahun lalu berlaku juga ombak dan fenomena air pasang besar, ia tidaklah seteruk seperti kebelakangan ini sehingga puluhan rumah penduduk kampung roboh dipukul ombak.

"Sebagai penduduk asal di sini, satu ketika dahulu perkampungan ini amat meriah dengan keluarga nelayan tetapi kini sudah ramai yang pindah ke tempat lain," katanya.

Menurutnya, apa yang berlaku adalah fenomena alam yang tidak mampu kita halang kerana setiap kejadian itu atas kehendak Allah dan kita kena terima dengan reda walaupun perkampungan ini sudah hampir lenyap," katanya.

Shah Alam

Sedia hadapi banjir kilat

Penduduk di lima daerah di negeri ini dinasihatkan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan berlaku banjir kilat berikutan fenomena air laut pasang antara 16 dan 19 Oktober ini.

Fenomena itu dijangka mencatatkan paras tertinggi sehingga 5.7 meter dan membabitkan 17 lokasi berisiko terutama Klang.

Setiausaha Jawatankuasa Bencana Negeri Selangor Ahmad Afandi Mohamad berkata, kawasan itu merangkumi Bandar Klang, Sungai Serang, Taman Melawis, Kampung Tok Muda, Pandamaran, Taman Selat Damai, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Lima dan Pulau Ketam di daerah Klang.

"Bagi daerah Sabak Bernam, ia membabitkan Kampung Sungai Air Tawar dan Sungai Tengar," katanya.



KESAN kejadian ombak besar yang melanda Kampung Geliga Baru, Februari lalu.

TINGGAL 2 RUMAH SAJA

■ Penduduk Kampung Geliga Baru terancam dilanda ombak besar

08-10-2016

setempat

43